Soalan Objektif

Soalan 1 berdasarkan pernyataan di bawah.

Tamadun awal bermula dan berkembang di kawasan lembah sungai.

1. Manakah antara berikut, adalah faktor tamadun awal bermula di lembah-lembah sungai?
   I Kemudahan mendapatkan bekalan air dan makanan
   II Kemudahan perdagangan
   III Kemudahan perkapalan
   IV Tanah yang subur untuk kegiatan pertanian
   A I dan II C II dan III
   B I dan IV D III dan IV

2. Mengapakah Mesir dikatakan hadiah Sungai Nil?
   A Sungai yang sesuai untuk pengangkutan
   B Lumpur berwarna hitam yang subur untuk pertanian
   C Sungai sebagai sumber makanan
   D Sungai sebagai sumber protein

3. Dalam Tamadun Mesir Purba, terdapat dua tinggalan yang terkenal, iaitu
   I Firaun
   II Ramses
   III Sungai Nil
   IV Piramid
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

4. Tamadun Indus terkenal dengan dua buah bandar terancang yang dibina oleh masyarakat dalam tamadun, iaitu
   I Babylon.
   II Mohenjo-Daro.
   III Harappa.
   IV Anyang.
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

5. Manakah antara berikut, merupakan pusat pemerintahan bagi kerajaan Dinasti Shang dalam Tamadun Huang He?
   A Anyang
   B Luoyang
   C Yangtze
   D Zhengzou

6. Persamaan sistem tulisan dalam tamadun Indus dan tamadun Huang He ialah wujudnya tulisan _____.
   A geometri
   B kuneiform
   C hieroglif
   D piktograf

Soalan 7 berdasarkan pernyataan di bawah.

Kod undang-undang Hammurabi

7. Manakah antara berikut, kandungan dalam kod undang-undang di atas?
   A Membunuh
   B Pertanian
   C Hukuman
   D Penipuan

8. Pilih padanan yang betul berkaitan sumbangan tamadun awal dalam binaan bangunan dan kemudahan.
   I Tamadun Mesopotamia → Zigurat
   II Tamadun Mesir Purba → Sfinks
   III Tamadun Indus → Piramid
   IV Tamadun Hwang He → Kolam mandi besar
   A I dan II
   B I dan IV
   C II dan III
   D III dan IV

9. Pada pandangan anda, mengapakah masyarakat tamadun Mesopotamia mampu membina Taman Tergantung Babylon?
   A Pemimpin yang berkuasa mutlak
   B Kegigihan masyarakat
   C Wujud pengkhususan kerja
   D Kerjasama antara pemimpin dan masyarakat

10. Mengapakah wujudnya pengkhususan pekerjaan dalam kegiatan ekonomi masyarakat Tamadun Mesopotamia?
    A Bilangan penduduk yang ramai
    B Kemajuan ekonomi
    C Lebihan hasil pertanian
    D Kemajuan perdagangan

LIVEWORKSHEETS